



Library Of Congress Lambang Keteguhan Ekonomi Berasaskan Pengetahuan

Disneyland, Hollywood, Pantai Miami dan Times Square merupakan antara tempat tersohor yang lazimnya diketahui berada di bumi Amerika Syarikat. Binaan berkaitan dengan mercu tanda berdirinya sebuah kerajaan sering kali diketahui dan disaksikan apabila tersergam megah di Washington D.C. termasuklah kediaman rasmi Presiden di Rumah Putih, bangunan US Capitol, di samping Washington Monument.

Namun begitu, kita kurang didedahkan dengan perihal lokasi gedung khazanah ilmu pengetahuan yang berdiri di ibu negara kuasa besar tersebut. Adakah publisiti tentangnya kerap disajikan sebagai informasi buat kita di Malaysia? Tempat yang dimaksudkan itu ialah Library of Congress

yang terletak di Independence Avenue SE, Washington D.C. yang menempatkan jutaan bahan bacaan dan manuskrip langka. Binaan yang terdiri daripada tiga bangunan agam, iaitu Thomas Jefferson Building, John Adams Building dan James Maddison Memorial Building yang melambangkan keteguhan ekonomi berasaskan ilmu pengetahuan di sana.

Gedung Ilmu Library of Congress

Dari segi sejarah, perpustakaan ini memulakan operasi sebagai tapak perolehan ilmu pengetahuan pada tahun 1800 selepas Presiden John Adams meluluskan peruntukan sebanyak USD5000 untuk membangunkan perpustakaan tersebut. Perkara ini bertitik tolak dari cadangan yang pernah diberikan oleh James Madison pada tahun 1783 sebelum beliau menjadi Presiden Amerika Syarikat. Pada tahun 1802, Presiden Amerika Syarikat yang keempat, Thomas Jefferson telah menambah baik pengurusan di Library of Congress dan menyumbangkan lebih 6000 bahan bacaan pada tahun 1819. Lantaran itu, ketiga-tiga nama individu ini telah diabadikan di Library of Congress. Dalam konteks masa ini, Library of Congress telah diterajui oleh Carla Hayden sebagai Pengarah Tertinggi Perpustakaan selepas beliau dicadangkan oleh Presiden Barrack Obama pada tahun 2016. Beliau merupakan wanita dan individu berketurunan Afrika Amerika pertama yang mengetuai perpustakaan negara tersebut.

Pada tahun 2021 misalnya, kerajaan Amerika Syarikat telah memperuntukkan sebanyak USD1,123,452 untuk perbelanjaan mengurus di Library of Congress. Jumlah tersebut meningkat kepada USD1,044,528 bagi peruntukan pada tahun 2020 sewaktu pandemik COVID-19. Perincian

Library of Congress juga pada masa yang sama telah menjadi lambang pentadbiran sebuah negara maju yang tidak mengetepikan peri pentingnya ilmu pengetahuan.

tentang perbelanjaan perpustakaan ini turut tersedia untuk tatapan orang awam di portal rasmi Library of Congress bagi menunjukkan ketelusan dari segi perbelanjaan. Dana yang tersedia ini diberikan untuk menambah baik sistem dan memperbanyakkan bahan bacaan dari seluruh dunia dalam pelbagai bahasa. Manfaat daripada perkhidmatan perpustakaan negara ini turut dinikmati oleh golongan kurang upaya (penglihatan) dari segi penyediaan buku audio, e-Braille dan salinan bercetak buku dalam tulisan braille. Segala usaha ini membuktikan bahawa pentadbiran Amerika Syarikat benar-benar mengambil berat soal manfaat kepada masyarakat dari segi ilmu pengetahuan di sebalik kemajuan ekonomi yang dicapai.

Tidak terhad setakat itu, fungsi Library of Congress sebagai gedung ilmu

pengetahuan masih tidak tergunai biarpun para presiden di Rumah Putih silih berganti selain daripada perubahan keadaan ekonomi di Amerika Syarikat itu sendiri. Kita pernah terbaca dan sedia mengetahui bahawa Amerika Syarikat pernah mengalami ketidaktentuan ekonomi seperti krisis ekonomi pada tahun 1929, peluasan idea neoliberalisme sewaktu era Reaganomic sekitar tahun 1980-an dan kemelesetan ekonomi dari tahun 2007 hingga tahun 2009. Akan tetapi, peristiwa berkenaan tidak menjejaskan sama sekali kedudukan perpustakaan tersebut sebagai pusat ilmu sehingga terpaksa ditutup atau dihentikan sementara operasinya. Masyarakat awam masih dapat menikmati perkhidmatan percuma untuk mengakses bahan bacaan yang terdiri daripada buku ilmiah, tesis kesarjanaan, maklumat berkaitan kartografi dan manuskrip klasik. Pada masa ini, bayaran untuk kerja foto salinan hanya dikenakan caj sebanyak 80 sen bagi setiap helaian bahan kajian yang diperlukan. Namun begitu, perkara itu bukanlah satu kemestian atau paksaan kerana penyelidik telah diberi kebenaran untuk mengambil gambar dokumen kajian secara percuma dengan menggunakan kamera sendiri.

Library of Congress juga pada masa yang sama telah menjadi lambang pentadbiran sebuah negara maju yang tidak mengetepikan peri pentingnya ilmu pengetahuan. Berdiri megah di tengah bandar Washington D.C., tiga bangunan perpustakaan ini kemudiannya telah menawarkan akses bahan bacaan berkualiti dan mengikut peredaran zaman kepada pengunjung. Thomas Jefferson Building misalnya, berperanan untuk menyimpan khazanah ilmu pengetahuan yang khusus dalam bidang kemanusiaan dan sains sosial seperti sejarah,

antropologi, sastera, falsafah, pedagogi pendidikan dan pengajian agama. Kesemua perkara ini penting untuk memacu kemajuan masyarakat yang bukan sekadar kaya dari segi material, malahan tinggi nilai pengetahuan berkaitan dengan hal kemanusiaan.

Di Malaysia sendiri, sarjana seperti Syed Hussain al-Attas pernah menyebutkan dalam bukunya, *Kita dengan Islam Tumbuh Tidak Berbuah* bahawa pentingnya ilmu seumpama itu. Menurut beliau, antara elemen kemajuan sesebuah masyarakat adalah berkaitan dengan akses terhadap bahan bacaan berhubung dengan ilmu sosiologi dan kemanusiaan bagi melengkapkan sesuatu yang dipanggil sebagai kemajuan.

Library of Congress sentiasa menawarkan bahan rujukan baharu berkaitan dengan ilmu ekonomi yang bersifat dokumen primer dan terdiri daripada pelbagai bahan bacaan termasuklah fail bekas Setiausaha Negara, Setiausaha Pertahanan serta Setiausaha Perbendaharaan Amerika Syarikat terutamanya fail sekitar kurun ke-20. Di James Madison Memorial Building, dokumen berkenaan tersedia untuk dirujuk oleh para penyelidik khususnya bagi kegunaan di Manuscript Reading Room di tingkat satu. Terdapat juga dalam kalangan fail ini masih berstatus "terkelas" yang tertakluk di bawah The Freedom of Information Act (FOIA), tetapi boleh dibaca oleh penyelidik selepas mengisi borang khas. Keizinan ini perlu diberikan terlebih dahulu kerana bahan terbabit telah dikelaskan dengan perincian CL (*classified*), TS (*top secret*) dan TSRD (*top secret/restricted data*) yang berkaitan dengan isu keselamatan. Berdasarkan pengalaman sewaktu berada di sana, penulis telah menerima keizinan tersebut daripada waris Setiausaha Pertahanan dan anggota



senator di Kongres berkenaan dengan dokumen sulit yang diperlukan untuk kajian.

Bahan bacaan berkaitan dengan ekonomi, perniagaan dan sains yang berautoriti serta informatif turut terletak di Adams Building terutamanya untuk kegunaan dalam Economic Reading Room. Bahan bacaan berbentuk mikrofilm dan akhbar lama seperti *Washington Post* dan *New York Times*, turut tersedia untuk penyelidik selain terbitan *World Street Journal*, buku dan tesis berkaitan dengan ekonomi sebagai rujukan bagi kajian bersesuaian seperti historiografi ekonomi serta isu demografi mengikut kedudukan geografi.

Oleh itu, para sarjana dan penyelidik muda berpeluang untuk meneroka potensi kajian dalam wacana baharu seperti sejarah intelektual berkaitan dengan idea ekonomi, persaingan ekonomi

global, siri krisis ekonomi, biografi syarikat multinasional tertentu dan tidak terkecuali isu pembuatan dasar ekonomi mengikut pentadbiran presiden di Amerika Syarikat. Untuk itu, manfaat akhir akan sampai kepada masyarakat di Amerika Syarikat dan negara luar. Dalam konteks lebih luas, Amerika Syarikat telah meneruskan legasi pemeliharaan perpustakaan di Barat yang pernah dinyatakan oleh sarjana Sidney L. Jackson pada tahun 1974 dalam bukunya, *Libraries and Librarianship in the West: A Brief History*.

Pembangunan Ekonomi Library of Congress

Dari segi pembangunan ekonomi bersifat pulangan material, Library of Congress sememangnya tidak menawarkan suatu persekitaran yang berorientasikan kegiatan jual beli produk. Hal ini demikian kerana fungsi asasnya bukan bermotifkan keuntungan atau



sebagai tapak perniagaan yang mempamerkan jualan. Walau bagaimanapun, institusi ini masih menyediakan ruang untuk kegiatan ekonomi khususnya di Maddison Cafe yang terletak di tingkat 6, James Maddison Memorial Building untuk pengusaha makanan.

Berdasarkan pemerhatian penulis, jumlah staf sokongan dari pelbagai bahagian di perpustakaan ini turut menggambarkan betapa ramai individu yang memperoleh pendapatan sebagai penjawat awam. Kehadiran para penyelidik dari pelbagai negara ke sini telah memberikan manfaat terhadap industri perhotelan setempat seperti Capitol Hill Hotel, Marriott Hotel dan Kellogg Conference Hotel yang terletak berhampiran dengan lokasi ini. Penyaluran keuntungan ini bersifat tidak langsung kerana para penyelidik tadi pastinya memerlukan tempat tinggal

ekonomi tidak ketara. Hal ini mencakupi soal peningkatan kualiti pengetahuan masyarakat, pertambahan pengalaman penyelidikan dan interaksi sosial dalam suasana akademik. Semua perkara berkenaan memberi petunjuk bahawa faedah dan pengisian yang diterima oleh orang ramai dengan adanya institusi seumpama ini melebihi nilai wang dan kebendaan. Kita tidak dapat mengukur perkembangan tersebut, tetapi hal itu pasti memberikan kesan dalam satu jangka masa panjang untuk sesebuah masyarakat kerana asas pembangunan fikiran dan sahsiah insan sebahagiannya dipengaruhi oleh bahan bacaan.

Menuju penghujung bicara, keberadaan Library of Congress sebagai lokasi ilmu pengetahuan menjadi bukti bahawa keutuhan ekonomi sesebuah negara dapat menjana manfaat dalam bentuk maklumat kepada masyarakat. Tanpa diragui, usaha seumpama ini wajar dan seharusnya diteladani oleh mana-mana negara yang bercita-cita untuk menjadi negara maju seperti Amerika Syarikat. Barangkali terdapat pihak yang mengatakan bahawa kos penyelenggaraan perpustakaan seperti ini tinggi dari segi perbelanjaan mengurus saban tahun. Namun begitu, hal ini sebenarnya mampu meraih pelbagai hasil dan keuntungan dari segi pembangunan modal insan dan mampu menaikkan imej negara di mata dunia. Dalam jangka masa panjang, kewujudan perpustakaan persis Library of Congress ini dapat dijadikan sebagai daya tarikan kepada masyarakat tempatan dan antarabangsa bagi keperluan akademik. Akhir kata, jadikan kemajuan dan keteguhan perpustakaan nasional sebagai sebahagian daripada inti kemajuan sebuah negara yang madani. **EXC**

Kewujudan Library of Congress ini mampu memberikan pulangan dalam bentuk ekonomi tidak ketara.

bagi melengkapkan satu-satu tempoh kajian.

Dari sudut yang lain, kita perlu berfikir sejenak bahawa kewujudan Library of Congress ini mampu memberikan pulangan dalam bentuk